

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 07 Mac 2016 13:27
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: Kejohanan SUKUUM Fasa 1, 2016 Kembali Lagi



07 MAC 2016 / 27 RABIULAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KEJOHANAN SUKAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (SUKUUM) FASA 1, 2016 KEMBALI LAGI

PSUKAN ONLINE : Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) akan kembali berentap di Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) Fasa 1, 2016 yang akan bermula pada 11 Mac ini dan berakhir pada 22 April 2016.

Kejohanan pada kali ini, lapan acara sukan yang akan dipertandingkan iaitu futsal (L/W), skuasy, petanque, ping pong, kayak, tenis dan juga memanah.

Bagi menjayakan Kejohanan SUKUUM pada kali ini juga, 15 Dewan Penginapan Pelajar (DPP) dan satu pasukan jemputan dari Center For International Affairs & Cooperation (CIAC) akan mengambil bahagian.

Menurut Pengarah Pusat Sukan, Prof. Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee, “ Penganjuran ini adalah untuk Pusat Sukan memilih pelajar-pelajar yang berbakat bagi diserapkan untuk mewakili Universiti yang akan bertanding dalam Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan berlangsung pada bulan Ogos dan November ini “.

Dalam pada itu semua kontinjen sudah mula menyiapkan pasukan dan latihan bagi memantapkan lagi pasukan masing-masing, tambahna lagi.

Sementara itu, acara futsal wanita akan membuka tirai kejohanan pada kali yang akan berlangsung pada Jumaat ini 11 Mac bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UUM.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my